

21 SEP 1998

DR IBRAHIM MINTA PENYOKONG ANWAR BERTENANG DAN TERIMA KENYATAAN

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Ibrahim Saad hari ini meminta para penyokong dan anggota Umno di Pulau Pinang agar bertenang dan menerima kenyataan berhubungan menangkap bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim malam tadi.

Katanya, para penyokong Anwar perlu menerima hakikat bahawa sebagai anggota parti, mereka haruslah berdiri teguh di belakang kerajaan dan tidak harus mengabaikan undang-undang negara.

Ibrahim, anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno, berkata para penyokong Anwar tidak sepatutnya melakukan kacau-bilau atau menimbulkan apa-apa masalah.

"Sebagai orang yang pernah bersama Anwar, saya akan membuat penjelasan kepada semua anggota Umno mengenai perkara ini dan saya meminta para penyokong Anwar menerima hakikat sebenar," kata beliau.

Ibrahim berkata, beliau akan memulakan sesi penerangan itu di Bahagian Tanjung pada 28 Sept dan kemudiannya di bahagian lain di Pulau Pinang termasuk di bahagian Permatang Pauh.

Katanya, penerangan itu bertujuan mengelakkan kekeliruan orang ramai kerana Anwar adalah bekas Ketua Perhubungan Umno negeri itu.

Ibrahim juga berkata Umno Pulau Pinang tetap dengan keputusan MT dan memberi kepercayaan penuh kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai tindakannya memecat Anwar.

-- BERNAMA

AA NMO